

Pembiayaan Peribadi-i: Kempen Hari Raya

TEMPOH KEMPEN

Kempen Pembiayaan Peribadi-i Hari-Raya (“Kempen”) Hong Leong Islamic Bank Berhad (HLISB) (“Bank”) bermula pada 1 Mei 2018 dan berakhir pada 30 Jun 2018, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), kecuali dimaklumkan sebaliknya.

TERMA & SYARAT (“T&S”)

Berikut adalah terma dan syarat yang berkuatkuasa ke atas Kempen:-

KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka kepada pelanggan sedia ada (“Pelanggan Sedia Ada”) dan/atau pelanggan baru ke pembiayaan peribadi-i (‘Pelanggan Baru’) yang merupakan warganegara Malaysia (Pelanggan Sedia Ada dan Pelanggan Baru dirujuk secara kolektif sebagai “Pelanggan”) yang memenuhi kriteria kelayakan yang berikut:
 - a) Mendapat jemputan untuk mengambil bahagian dalam Kempen melalui “Short Message System” (“SMS”) atau “e-Direct Mailer” (“EDM”) atau mendapat panggilan dari jabatan telemarketing Bank semasa Tempoh Kempen;
 - b) tidak mempunyai sebarang baki tunggakan sedia ada atas mana-mana Pinjaman Peribadi/Pinjaman Peribadi Penggabungan Baki HLB dan/atau Pembiayaan Peribadi-i/Pembiayaan Peribadi-i Penggabungan Baki HLISB dan/atau Pinjaman Peribadi I.O.U Mach;
 - c) memohon untuk Pembiayaan Peribadi-i HLISB dengan jumlah minima Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) sehingga Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh Ribu (RM150,000) (“Kemudahan”) dengan tempoh kemudahan (“Tempoh Kemudahan”) dua hingga lima (2-5) tahun semasa Tempoh Kempen;
 - d) memohon untuk Kemudahan melalui laman sesawang Bank di www.hlisb.com.my (“Laman Sesawang Bank”) atau dengan kakitangan telemarketing Bank semasa Tempoh Kempen; dan
 - e) kemudahan diluluskan dan dikeluarkan kepada Pelanggan pada atau tidak lewat dari 31 Julai 2018.
2. Untuk mengelakkan keraguan:-
 - i. “Pelanggan Baru” merujuk kepada Pelanggan yang tidak mempunyai sebarang Produk Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i dengan Bank dan / atau mana-mana pembekal perkhidmatan bank atau kewangan seperti yang disenaraikan dalam Lampiran 1 sebelum Tempoh Kempen dan yang memenuhi kriteria kelayakan seperti yang dinyatakan dalam fasal 1 di atas semasa Tempoh Kempen.
 - ii. “Pelanggan Sedia Ada” merujuk kepada pelanggan yang mempunyai Produk Pinjaman Peribadi / Pembiayaan Peribadi-i dengan Bank dan / atau pembekal perkhidmatan bank atau kewangan yang tersenarai di Lampiran 1 dan yang memenuhi kriteria kelayakan seperti yang dinyatakan dalam Fasal 1 di atas semasa Tempoh Kempen.
3. Untuk tujuan Kempen ini, Pelanggan yang memenuhi semua kriteria di Fasal 1 di atas dirujuk sebagai “Pelanggan Layak”.
4. Mereka yang berikut TIDAK layak menyertai Kempen ini:
 - i. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan atau kesalahan yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB dan/atau HLISB atau telah diisytiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen.

- ii. Pelanggan yang telah melakukan, atau ditentukan oleh HLB dan/atau HLISB sebagai berpotensi untuk melakukan sebarang kesalahan yang dinyatakan di sini.
- iii. Kakitangan tetap dan berkontrak HLB dan/atau HLISB.

MEKANIK KEMPEN

A. Pulangan Tunai

5. Pulangan Tunai adalah jumlah tunai yang dikreditkan kembali kepada akaun pelanggan berdasarkan peratus dari Jumlah Keuntungan yang dibayar ke Pelanggan Layak (“Pulangan Tunai”).
6. Pelanggan layak yang Kemudahannya diluluskan semasa Tempoh Kempen dan dikeluarkan tidak lewat dari 31 Julai 2018 akan berhak kepada peratusan Pulangan Tunai berikut (%) berdasarkan kaedah permohonan Kemudahan dibuat.
7. Pelanggan akan berhak kepada Pulangan Tunai berikut berdasarkan kaedah permohonan Kemudahan dibuat, dengan ilustrasi di bawah:-

i) Permohonan dalam talian

Pelanggan Layak yang memohon Kemudahan melalui Laman Sesawang Bank semasa Tempoh Kempen akan berhak untuk kadar Pulangan Tunai berikut:

Kategori	Pulangan Tunai %	Jumlah Kemudahan diluluskan
Pelanggan Baru	60%	Tertakluk kepada Fasal 1 (c)
Pelanggan Sedia Ada	40%	Tertakluk kepada Fasal 1 (c)

ii) Permohonan kakitangan telemarketing Bank

Pelanggan Layak yang memohon Kemudahan melalui kakitangan telemarketing Bank semasa Tempoh Kempen akan berhak untuk kadar Pulangan Tunai berikut:

Kategori	Pulangan Tunai %	Jumlah Kemudahan diluluskan
Pelanggan Baru dan Sedia Ada	40%	Tertakluk kepada Fasal 1 (c)

Contoh Ilustrasi Pulangan Tunai:

(i) Kelayakan Pulangan Tunai 60%

Hanya untuk Pelanggan Baru yang memohon untuk Kemudahan melalui Laman Sesawang Bank (sila lihat Fasal 7(i) di atas)

Jumlah Pembiayaan (RM)*	Tempoh Kemudahan (Tahun)	Kadar Keuntungan (Setahun)	Jumlah keuntungan yang dibayar oleh Pelanggan Layak sebelum Pulangan Tunai (RM)	Peratus Pulangan Tunai ke atas Jumlah keuntungan yang dibayar oleh Pelanggan Layak%	Jumlah Pulangan Tunai dibayar kepada Pelanggan Layak (RM)	Jumlah keuntungan yang dibayar oleh Pelanggan Layak selepas Pulangan Tunai (RM)
(a)	(b)	(c)	(d)=[i.e. (a) x (b) x (c)]	(e)	(f)=[i.e. (d) x (e)]	(g)=[i.e. (d)-(f)]
20,000	2	12.50%	5,000	60%	3,000	2,000
20,000	3	12.50%	7,500	60%	4,500	3,000
20,000	4	12.50%	10,000	60%	6,000	4,000
20,000	5	12.50%	12,500	60%	7,500	5,000

*0.5% daripada jumlah Kemudahan akan ditolak dari Kemudahan untuk duti setem

(ii) Kelayakan Pulangan Tunai 40%

Hanya untuk:

- Pelanggan Sedia Ada yang memohon melalui Laman Sesawang Bank (sila lihat Fasal 7(i) di atas): dan
- Pelanggan Layak yang memohon melalui kakitangan telemarketing untuk apa-apa jumlah Kemudahan diluluskan (sila lihat Fasal 7(ii) di atas).

Jumlah Pembiayaan (RM)*	Tempoh Kemudahan (Tahun)	Kadar Keuntungan (Setahun)	Jumlah keuntungan yang dibayar oleh Pelanggan Layak sebelum Pulangan Tunai (RM)	Peratus Pulangan Tunai ke atas Jumlah keuntungan yang dibayar oleh Pelanggan Layak%	Jumlah Pulangan Tunai dibayar kepada Pelanggan Layak (RM)	Jumlah keuntungan yang dibayar oleh Pelanggan Layak selepas Pulangan Tunai (RM)
(a)	(b)	(c)	(d)=a*b*c	(e)	(f)=d*e	=(d)-(f)
10,000	2	12.50%	2,500	40%	1,000	1,500
10,000	3	12.50%	3,750	40%	1,500	2,250
10,000	4	12.50%	5,000	40%	2,000	3,000
10,000	5	12.50%	6,250	40%	2,500	3,750

*0.5% daripada jumlah Kemudahan akan ditolak dari Kemudahan untuk duti setem

- Pelanggan Layak yang membayar jumlah ansuran bulanan Kemudahan pada atau sebelum tarikh perlu dibayar setiap bulan semasa tempoh Kemudahan akan layak menerima Pulangan Tunai.
- Bank akan memberi notis kepada Pelanggan Layak secara surat ("Surat Notis") dalam 1 bulan dari tarikh ansuran bulan keenam untuk kelayakan Pulangan Tunai dan Surat Notis akan dihantar ke alamat Pelanggan Layak yang dikemaskini terakhir di rekod Bank. Pelanggan yang tidak menerima Surat Notis dari Bank dalam 1 bulan dari tarikh ansuran bulan keenam dianggap tidak berhak untuk Pulangan Tunai.
- Pulangan Tunai akan dibayar secara bulanan di mana Pulangan Tunai pertama (ke-1) akan dibayar selepas ansuran bulanan ketujuh (ke-7) dibayar oleh Pelanggan Layak dan Pulangan Tunai yang akan dibundarkan kepada Satu Ringgit Malaysia (RM1) terdekat akan dikreditkan ke dalam akaun Kemudahan yang sah dan aktif milik Pelanggan Layak satu (1) hari selepas bulan ketujuh (7) tarikh ansuran perlu dibayar (tertakluk kepada Fasal 9 di atas) dan bulan seterusnya sehingga pembayaran Pulangan Tunai terakhir yang dinyatakan di Fasal (11) di bawah.
- Pulangan Tunai terakhir akan dibayar enam (6) bulan sebelum Pelanggan Layak membayar ansuran terakhir Kemudahan.
- Pulangan Tunai bulanan akan dianggap sebagai bayaran pendahuluan dalam akaun Kemudahan.
- Untuk mengelakkan keraguan, sekiranya ansuran bulanan tidak dijelaskan semasa tempoh Kemudahan, kelayakan untuk Pulangan Tunai akan tamat serta-merta.
- Pelanggan Layak bertanggungjawab untuk memaklumkan secara bertulis kepada Bank tidak lewat dari satu (1) bulan selepas tarikh perlu bayar ansuran bulanan ketujuh (ke-7) dan/atau bulan seterusnya selepas itu sekiranya tidak menerima Pulangan Tunai bulanan, jika gagal berbuat demikian, Pelanggan Layak dianggap telah mendapat dan menerima Pulangan Tunai dari Bank dan sebarang pertikaian seterusnya tidak akan dilayan oleh Bank.
- Kelayakan Pelanggan Layak untuk mendapat Pulangan Tunai akan dibatalkan dan bayaran Pulangan Tunai akan ditamatkan serta-merta apabila berlaku mana-mana satu perkara berikut:
 - Pelanggan Layak gagal membayar mana-mana ansuran bulanan untuk Kemudahan pada tarikh perlu dibayar, atau sebarang jumlah lain yang terhutang di bawah dan berkaitan dengan Kemudahan apabila dituntut oleh Bank;
 - Notis penyelesaian awal diberikan oleh Pelanggan Layak sebelum tempoh matang Kemudahan; atau

- iii. Pelanggan Layak telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau perbuatan salahlaku yang berkaitan dengan penggunaan Kemudahan.

B. Kad Hadiah PETRONAS RM100 ("Kad Hadiah")

16. 100 Pelanggan Layak yang pertama yang menerima dan mendapat pembayaran dengan jumlah minimum Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000) ke atas sebelum 31 Julai 2018 akan berhak untuk menerima Kad Hadiah PETRONAS RM100. ("Pelanggan Berjaya")
17. Sejumlah 100 Kad Hadiah diperuntukkan sepanjang Tempoh Kempen, pada dasar siapa cepat dia dapat.
18. Kad Hadiah adalah terhad kepada satu (1) Kad Hadiah untuk setiap Pelanggan Layak tanpa mengira bilangan permohonan Kemudahan yang diserahkan sepanjang Tempoh Kempen.
19. Bank akan memuat naik senarai nama Pelanggan Berjaya di laman web 45 hari selepas Tempoh Kempen ("Hari Pemberitahuan"). Oleh itu, adalah kewajipan Pelanggan Layak untuk mengakses Laman Sesawang Bank di www.hlisb.com.my pada selang masa yang tetap untuk mengetahui senarai nama terkini Pelanggan Berjaya yang akan diumumkan pada Hari Pemberitahuan.
20. Pelanggan Berjaya akan menerima Kad Hadiah melalui surat 30 hari selepas Hari Pemberitahuan.
21. Kad Hadiah akan dihantar oleh GDEX Express Sdn Bhd ("GDEX"), (penyedia perkhidmatan kurier yang dilantik oleh HLB) kepada alamat rumah atau pejabat terkini yang diberikan oleh Pelanggan Berjaya seperti yang ditunjukkan dalam system HLB. Oleh itu, adalah kewajipan Pelanggan untuk memastikan bahawa mereka telah memberikan alamat surat-menyurat dan nombor telefon bimbit terkini, sah dan tepat kepada Bank dan Bank tidak akan bertanggungjawab jika Bank tidak boleh menghubungi Pelanggan Berjaya untuk apa jua sebab.
22. Ia juga adalah tanggungjawab Pelanggan Berjaya untuk memaklumkan Bank secara bertulis jika tidak menerima Kad Hadiah dalam masa 60 hari dari Hari Pemberitahuan, jika gagal memaklumkan Pelanggan Berjaya dianggap telah menerima Hadiah Kad dan apa-apa permintaan atau pertikaian untuk pembayaran balik Kad Hadiah tidak akan dilayan oleh Bank.
23. Bank berhak untuk menggantikan Kad Hadiah dengan hadiah alternatif yang sama mengikut budi bicara mutlaknya dengan notis terlebih dahulu.
24. Bagi mengelakkan keraguan, Kad Hadiah dikeluarkan oleh Petroliam Nasional Berhad ("Penerbit") dan sebarang pertanyaan atau pertikaian berhubung dengan penggunaan Kad Hadiah akan diselesaikan secara langsung antara Pelanggan Berjaya dan Penerbit tanpa tuntutan terhadap Bank. Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pelanggan Berjaya gagal mematuhi terma dan syarat yang dikenakan oleh Penerbit untuk apa jua sebab.

UMUM

25. Dengan menyertai Kempen, Pelanggan:
 - (i) bersetuju bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengann T&S ini dan Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi-i HLISB;
 - (ii) bersetuju untuk melayari Laman Sesawang Bank di www.hlisb.com.my pada selang masa kerap untuk menyemak T&S, dan untuk memastikan mereka mengetahui maklumat terkini mengenai sebarang perubahan atau variasi kepada T&S;
 - (iii) bersetuju untuk melayari Laman Sesawang Bank di www.hlisb.com.my pada selang masa kerap untuk memastikan mereka mengetahui senarai nama Pelanggan Berjaya yang akan diumumkan pada Hari Pemberitahuan;
 - (iv) bersetuju bahawa keputusan Bank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas semua Pelanggan dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan tersebut tidak akan dilayan;
 - (v) bersetuju bahawa mereka akan bertanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan

- terhadap mereka di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen;
- (vi) bersetuju bahawa Bank diberi kuasa untuk mendedahkan butir-butir Pelanggan (iaitu nama, alamat, alamat e-mel dan nombor telefon) kepada DCATALYST Sdn Bhd (pembekal perkhidmatan EDM yang dilantik oleh Bank) dan GDEX untuk tujuan memenuhi Kempen ini;
 - (vii) bersetuju bahawa Bank akan menggunakan alamat e-mel, nombor telefon dan alamat rumah atau pejabat terkini yang diberikan oleh Pelanggan Berjaya seperti yang ditunjukkan dalam sistem Bank dan adalah tanggungjawab mereka untuk menyediakan alamat surat-menyurat dan nombor telefon bimbit terkini, sah dan tepat kepada Bank dan Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Bank tidak dapat mencapai / menghubungi Pelanggan Berjaya untuk apa jua sebab;
 - (viii) bersetuju bahawa Bank tidak memberi sebarang representasi atau waranti berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian Kad Hadiah PETRONAS kepada Pelanggan Berjaya dan bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang Kad Hadiah PETRONAS yang hilang, dicuri atau rosak;
 - (ix) bersetuju dengan penerbitan atau paparan nama mereka, nombor kad pengenalan (dalam bentuk bertopeng) di Laman Sesawang Bank.
 - (x) bersetuju dan mengakui bahawa Kad Hadiah PETRONAS tidak boleh dipindah milik, dan tidak boleh ditukar kepada tunai atau barangan; dan
 - (xi) bersetuju untuk mematuhi sepenuhnya terma dan syarat penggunaan Kad Hadiah yang dikenakan oleh Penerbit.
26. Bank berhak untuk:
- (i) menolak mana-mana permohonan Kemudahan yang diserahkan mengikut budi bicara mutlak tanpa memberikan sebarang sebab;
 - (ii) membatalkan Pulangan Tunai dan/atau Kad Hadiah sekiranya terdapat ketidakpatuhan terhadap T&S di sini;
 - (iii) membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Kempen ini mengikut budi bicara mutlak; dan
 - (iv) menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terdapat di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Kempen ini atas budi bicara mutlak, dengan cara memaparkannya di Laman Sesawang HLB, atau menggunakan sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Bank.
 - (v) menentukan siapa yang akan menjadi Pelanggan Berjaya untuk Kad Hadiah, mengikut budi bicara tunggal dan mutlak.
27. T&S yang terkandung di sini dan terma dan syarat yang mengawalselia Pembiayaan Peribadi-i HLISB hendaklah dibaca sebagai perjanjian menyeluruh. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S Kempen ini dengan terma dan syarat yang mengawal selia Pembiayaan Peribadi-i HLISB, T&S spesifik di sini akan berkuat kuasa setakat percanggahan tersebut.
28. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S di sini berbanding sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan sebarang bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Kempen ini, T&S muktamad di Laman Sesawang HLB akan berkuat kuasa.
29. Terma dan syarat yang terkandung di sini dikawalselia oleh dan dibentuk berdasarkan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
30. Perkataan yang menggambarkan satu jantina termasuklah semua jantina dan kata-kata lain yang menandakan singular termasuk jamak dan sebaliknya.

Lampiran 2: Senarai Bank dan Pembekal Perkhidmatan Kewangan

No.	Bank/Pembekal Perkhidmatan Kewangan
1	AEON Credit Service (M) Berhad
2	Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad
3	Affin Bank Berhad/Affin Islamic Bank Berhad
4	Alliance Bank Malaysia Berhad/Alliance Islamic Bank Berhad
5	AmBank (M) Berhad/AmBank Islamic Berhad
6	Bank Islam Malaysia Berhad
7	Bank Muamalat Malaysia Berhad
8	CIMB Bank Berhad/CIMB Islamic Bank Berhad
9	Citibank Berhad
10	HSBC Bank Malaysia Berhad/HSBC Amanah Malaysia Berhad
11	Hong Leong Bank Berhad/Hong Leong Islamic Bank Berhad
12	Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad
13	Malayan Banking Berhad/Maybank Islamic Berhad
14	OCBC Bank (Malaysia) Berhad/OCBC Al-Amin Bank Berhad
15	Public Bank Berhad/Public Islamic Bank Berhad
16	RHB Bank Berhad/RHB Islamic Bank Berhad
17	Standard Chartered Bank Malaysia Berhad/Standard Chartered Saadiq Berhad
18	United Overseas Bank (Malaysia) Bhd.